

03/08/1998

Kempen kumpul buku dilancar Rabu

KUALA LUMPUR, Ahad - Kementerian Pembangunan Luar Bandar menjangka dapat mengumpul lebih satu juta buku sebelum akhir tahun ini bagi mewujudkan 1,001 perpustakaan desa di seluruh negara.

Sebagai tanda sokongan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan kempen mengumpulkan buku berkenaan selepas mesyuarat Kabinet Rabu ini, di stesen Petronas di Sri Hartamas, di sini.

Menterinya, Datuk Annuar Musa, berkata semua Menteri Kabinet akan menyumbang sebahagian koleksi buku masing-masing kepada dana buku kebangsaan sebelum diagihkan ke perpustakaan desa.

Kabinet Rabu lalu setuju penubuhan dana berkenaan yang akan dilaksanakan dengan kerjasama Petronas dan Pos Malaysia selama dua bulan, bermula 5 Ogos ini.

Langkah itu juga akan menjadikan stesen minyak Petronas serta pejabat pos di seluruh negara sebagai pusat pengumpulan buku itu.

"Orang ramai boleh menderma di setiap stesen minyak Petronas dan pejabat pos manakala bagi korporat yang mahu menderma secara besar-besaran boleh mengemukakan terus kepada kementerian.

"Setakat ini, kita hanya ada 198 perpustakaan di seluruh negara dan bilangan yang kecil itu tidak dapat memasyarakat kempen membaca," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga kementeriannya di Sungai Perdek, Hulu Langat, dekat sini, hari ini.

Menurutnya, kementerian akan menggunakan pendekatan yang fleksibel, iaitu mewujudkan pusat bacaan di madrasah, masjid, kedai kopi dan balai penghulu.

"Melalui program itu, budaya kampung dapat diubah kepada budaya yang lebih positif kerana ia adalah aspek penting membina ketahanan nasional dan pembangunan luar bandar," katanya.

(END)